



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	30/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			

lokal



FOTO: IHSAN PERHILITAN

OPERASI memindahkan gajah liar yang ditangkap Perhilitan Kelantan di Kampung Sungai Tias.

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Awang Nor dipindahkan

Operasi lepas gajah jantan ke habitat asal di Taman Negara babit 25 staf Perhilitan

Kuala Krai

Seekor gajah jantan dinamakan 'Awang Nor' dipindahkan untuk dilepaskan semula ke habitat semula jadi di Taman Negara Kelantan-Terengganu-Pahang, kelmarin.

Seramai 25 kakitangan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan dan Terengganu serta Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah terlibat dalam operasi itu.

Turut membantu proses pemindahan berkenaan adalah dua gajah denak dari PKGK iaitu Kala dan Suria.

Pengaruh Perhilitan Kelantan, Ady Ermanty Haniff Mohamed Hanif berkata, pihaknya menerima aduan berhubung gangguan gajah liar yang merosakkan tanaman dan memasuki kawasan penempatan penduduk di Kampung Sungai Tias, di



Operasi tangkapan gajah itu dijalankan bagi mengelakkan kerugian berterusan kepada penduduk"

Ady Ermanty Haniff

sini, sejak 25 September lalu.

Katanya, berdasarkan maklumat, seramai lapan kakitangan Perhilitan mengambil tindakan tembak bagi menghalau gajah itu supaya kembali semula ke hutan simpan berhampiran, namun tidak berhasil.

"Gangguan gajah ini adalah aduan berulang yang pernah diterima membabit-

kan dua ekor gajah yang dalam pemantauan Perhilitan dan kami berjaya menangkap seekor daripadanya jam 10.30 pagi Ahad lalu.

"Operasi tangkapan gajah itu dijalankan bagi mengelakkan kerugian berterusan kepada penduduk selain memastikan keselamatan mereka daripada gangguan haiwan liar.

"Anggaran jumlah kerugian yang dialami oleh penduduk di kawasan ini pada tahun ini adalah lebih kurang RM70,000," katanya dalam kenyataannya, di sini, semalam.

Menurutnya, tangkapan ke atas Awang Nor seberat dua tan dan berusia lingkungan 15 hingga 20 tahun ini memberi kelegaan dan rasa selamat kepada penduduk kampung untuk ke ke-

bun masing-masing.

"Gajah ini dipercayai keluar dari Hutan Simpan Kekal (HSK) Serasa untuk mencari sumber makanan dan populasi gajah mendiami kawasan hutan simpan berkenaan dianggarkan lebih daripada 12 ekor," katanya.

Menurutnya, penduduk kampung dinasihatkan sentiasa membersihkan kawasan tanaman dan kebun supaya tidak bersema sebagai langkah untuk mengurangkan kehadiran hidupan liar.

Katanya, mereka juga disarankan berwaspada jika terserempak dengan hidupan liar dan menyalurkan maklumat kepada Perhilitan melalui talian hotline 1-800-88-5151 atau e-aduan di www.wildlife.gov.my.

